



MEMO

Tarikh : 19 Mei 2025
Kepada : Semua Penyewa PBKSB
Daripada : Pengurus Hartanah
Perkara : Perjanjian Sewaan ("*Tenancy Agreement*"):
Perlaksanaan Perjanjian Tambahan ("*Supplementary Agreement*") kepada Perjanjian Utama ("*Main Agreement*")

Adalah dimaklumkan bahawa bermula 1 Jun 2025, PBKSB akan melaksanakan Perjanjian Tambahan ("*Supplementary Agreement*") kepada Perjanjian Utama ("*Main Agreement*") sebagai langkah untuk mengurangkan kos pentadbiran operasi dan penyediaan Perjanjian Sewaan.

Sehubungan itu, Perjanjian Sewaan ("*Tenancy Agreement*") hanya akan disediakan secara bercetak penuh bagi tempoh **tiga (3) tahun pertama** sahaja. Bagi Penyewa yang ingin melanjutkan tempoh sewaan, sambungan perjanjian akan dilaksanakan secara Perjanjian Tambahan ("*Supplementary Agreement*") selama tempoh **dua (2) tahun**.

Setelah tamat tempoh Perjanjian Tambahan ini, Perjanjian Sewaan secara bercetak penuh akan disediakan semula untuk tahun yang seterusnya. Sekiranya Penyewa berhasrat untuk menukar Perjanjian Tambahan ini kepada Perjanjian Sewaan secara bercetak penuh, bayaran sebanyak **RM300.00** akan dikenakan bagi penyediaan dokumen tersebut, manakala kos penyetakan adalah tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Sebarang pertanyaan, anda boleh hubungi penandatangan di bawah di talian 09-8602316.

Sekian, terima kasih.

"KOMITED, SELAMAT, BERINTEGRITI"

Yang benar,

(ZAMRI BIN AWANG @ ABDUL GHANI)

Pengurus Hartanah

Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn. Bhd.

s.k. Pengurus Besar Kanan, Pangkalan Bekalan & Sokongan PBKSB
Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan, EPIC Berhad
Pengurus Kanan, *Liaison* & Hartanah PBKSB